

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 April 2017

SOALAN

Tuan Chia Song Cheng minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah prosedur penguatkuasaan Kementerian terhadap TASKA dan pusat penjagaan kanak-kanak yang tidak berdaftar.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah diberi tanggungjawab menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012, Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 dalam memastikan TASKA dan Pusat Jagaan yang beroperasi mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan. Pematuhan kepada pendaftaran TASKA dan larangan pengoperasian TASKA tidak berdaftar tertakluk di bawah seksyen 4 dan seksyen 6 Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984. Manakala bagi Pusat Jagaan termasuk pusat jagaan kanak-kanak, pematuhan bagi pendaftaran dan larangan pengoperasian Pusat Jagaan tidak berdaftar tertakluk di bawah seksyen 4 dan seksyen 5 Akta Pusat Jagaan 1994. Tuan Yang Dipertua, Bagi menangani TASKA dan Pusat Jagaan yang tidak berdaftar, Kementerian melalui JKJ secara berterusan menjalankan pemantauan melalui aktiviti pengesanan dan pemeriksaan ke TASKA dan Pusat Jagaan sepanjang masa dan memberi peringatan supaya berdaftar dengan JKJ. Tindakan penguatkuasaan yang diambil bagi TASKA dan Pusat Jagaan yang tidak berdaftar setelah peringatan diberikan adalah melalui tindakan mengelak premis tersebut oleh Pegawai Diberikuasa di bawah seksyen 20A Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan seksyen 16A Akta Pusat Jagaan 1993. Prosedur bagi tindakan mengelak bermula dengan tindakan penyiasatan oleh Pegawai Penyiasat dan kelulusan dari Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri. Selain itu, tindakan pengeluaran kompaun di bawah seksyen 21A Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan seksyen 21A Akta Pusat Jagaan 1993 juga boleh dilaksanakan. Pengeluaran kompaun dilaksanakan setelah siasatan dan mendapat keizinan Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya. Pengusaha TASKA dan Pengendali Pusat Jagaan hendaklah mendaftar dan mengemukakan perakuan pendaftaran dalam tempoh 21 hari setelah tindakan mengelak dilaksanakan. Lak hanya boleh ditanggalkan setelah perakuan pendaftaran dikemukakan dalam tempoh tersebut atau setelah memperolehi perintah mahkamah bagi pemberhentian penggunaan premis atau bangunan sebagai TASKA dan pusat jagaan. Sekiranya pengusaha TASKA atau pengendali Pusat Jagaan masih gagal mengemukakan perakuan pendaftaran, tindakan pendakwaan akan dijalankan. Sebagai kesimpulan, prosedur tindakan penguatkuasaan yang dijalankan ke atas TASKA dan Pusat Jagaan (termasuk pusat jagaan kanak-kanak) yang tidak berdaftar adalah selaras dan mematuhi Akta dan Peraturan yang berkuatkuasa. Ianya adalah bagi memastikan keperluan minimum penjagaan dan asuhan kanak-kanak dipatuhi dan diberi keutamaan termasuk mengambil kira soal keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak.

